

PELAJAR UniMAP MEWAKILI NEGERI PERLIS DALAM ACARA KABADDI DI PERINGKAT SUKMA 2008

Oleh : Noordiana Mohd Shahab

Seramai 4 orang pelajar Unimap telah mewakili Negeri Perlis ke SUKMA 2008 yang telah berlangsung di Terengganu pada 31 Mei 2008 hingga 9 Jun 2008 yang lalu. Sebagai persediaan awal mereka dilatih selama 3 minggu oleh Jurulatih kebangsaan yang diadakan di Stadium Utama Kangar dan telah ditempatkan di Asrama Kompleks Belia & Sukan Negeri Perlis.

Acara kabaddi adalah salah satu sukan promosi pada tahun ini yang disertai oleh sukan silambam dan juga sukan wushu. Pertandingan kabaddi telah disertai oleh 9 buah negeri. Ini merupakan satu tanda positif kerana ianya adalah kali pertama acara kabaddi dipertandingkan dalam SUKMA. Pasukan Perlis telah mendapat tempat ke-7 dalam 9 kumpulan dipertandingkan. Teras pada perlawanan pertama yang menentang Negeri Perak manakala pada perlawanan kedua menentang Negeri Sembilan juga mengalami kekalahan. Seterusnya dengan meyakinkan pasukan Perlis kemenangan memihak kepada Perlis yang menentang pasukan tuan rumah iaitu Terengganu. Dengan kemenangan menentang Terengganu, bertemu pula dengan Pasukan Selangor dimana perlawanan yang agak sengit boleh dimenangi malah dengan kekuatan yang ada tidak

mencukupi akhirnya telah memihak kepada pasukan Selangor. Pada keseluruhannya, pasukan Perlis agak rendah dari segi pencapaian yang menyebabkan persiapan seperti perlawanan persahabatan atau 'match practice' tidak mencukupi.

Walaupun agak kecewa dengan pencapaian tetapi dengan semangat kesukanan yang kental mereka telah pulang dengan hati yang gembira kerana pertama kalinya pasukan kabaddi Negeri Perlis bermain dalam satu kejohanan peringkat Kebangsaan dan telah mendapat tempat ketujuh. Antara pelajar UniMAP yang mewakili SUKMA iaitu Moganraj A/L Palianysamy, Dasarathan A/L Rajan Theren, Rajendaran A/L Vairavan & Gunasegaran A/L.

